



**PENGUNJUNG** mengambil peluang membeli sayur-sayuran yang dijual di pasar terapung anjuran UTHM dengan kerjasama Persatuan Nelayan Parliment Pagoh di Jeti Panchor, Pagoh, Johor, baru-baru ini.

## UTHM perkenal pasar terapung di Jeti Panchor

**PAGOH 11 Jan.** – Pasar terapung begitu sinonim dan popular di Thailand sehingga ia menjadi salah satu produk pelancongan terkenal di negara tersebut.

Keunikan dan keseronokan suasana jual beli itu kini dapat dirasai rakyat negeri ini apabila Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) mewujudkan pasar yang pertama seumpamanya di Jeti Panchor, di sini bulan lalu.

Sebanyak 12 buah sampan yang menjual ikan, sayur-sayuran, buah-buahan, kerepek, nasi bungkus dan kuah-muih ditawarkan selain dimeciahkan dengan 20 gerai berkonsepkan karnival mini di pekarangan jeti tersebut oleh para peniaga pasar tani.

Program sehari itu bermula pukul 7 pagi dan seramai 150 penuntut UTHM Kampus Pagoh terlibat meriahkan suasana pasar terapung dengan pelbagai aktiviti bersama-sama masyarakat setempat, antaranya Panchor River Cruise yang memberi peluang pengunjung menaiki bot sambil menikmati keindahan Sungai Panchor dan aktiviti lain.

Unit Perhubungan Awam Bahagian Komunikasi Korporat UTHM dalam satu kenyataan memaklumkan, pasar terapung tersebut merupakan idea Penolong Naib Canselor (Hubungan Industri dan Masyarakat), Prof. Datuk Dr. Abdul Razak Omar yang mahu menampilkkan kelainan untuk menambah pendapatan masyarakat setempat.

“Kita sentiasa mencari idea dan peluang untuk membangunkan kawasan tersebut di samping menggalakkan masyarakat Panchor mengambil langkah proaktif dalam menjalankan perniagaan di Jeti Panchor yang dapat mendatangkan keuntungan, sekali gus mempromosikan kawasan berkenaan.”

“Pasar terapung yang sinonim dan popular di Thailand merupakan program yang cukup berasas dan mampu menarik orang ramai untuk merasai sendiri pengalaman membeli barang di pasar terbabit yang mungkin akan diadakan lagi dengan jumlah yang lebih besar selepas ini,” katanya di sini, baru-baru ini.